

29/07/2002

Membendung ekstremisme daripada berleluasa

APABILA Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan rasa terkilannya kelmarin kerana pengasingan antara kaum di kalangan generasi muda terutama di universiti dan dunia pekerjaan profesional semakin melebar, keadaan itu bukan berlaku secara kebetulan. Pengamatan Perdana Menteri bahawa penuntut di universiti terpisah begitu jauh sehingga mereka tidak dapat duduk bersebelahan dalam bilik kuliah atau dewan, jauh sekali untuk berkongsi bilik penginapan, adalah kerana mereka memang terdidik dengan cara berkenaan. Dengan lebih 90 peratus kanak-kanak Cina bersekolah di SJK Cina manakala, 65 peratus kanak-kanak India bersekolah di SJK Tamil manakala kanak-kanak Melayu tertumpu ke sekolah kebangsaan, bagaimana mungkin perpaduan antara kaum dapat dijalin sekiranya amalan berkawan dan bergaul hanya dengan rakan sebangsa yang sudah sebati selama enam tahun di sekolah rendah membawa ke sekolah menengah, dapat dirungkai dengan mudah ketika di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT)?

Sepatutnya sistem pendidikan satu aliran tanpa berteraskan ras telah dapat dilaksanakan sepenuhnya di negara yang didiami masyarakat pelbagai kaum ini. Malangnya, sistem seperti ini mendapat tentangan dengan diberi gambaran seolah-olah kerajaan mahu memansuhkan terus penggunaan bahasa ibunda kaum lain. Ia menghantui pemikiran kaum-kaum yang menganggap bahawa penghapusan sekolah pelbagai aliran akan menyebabkan bahasa dan budaya mereka terhakis. Jalan keluar ialah dengan mewujudkan Sekolah Wawasan tetapi itu juga ditentang di sebalik tujuannya ialah untuk memupuk perpaduan kaum bermula dari bangku sekolah yang seterusnya akan mewujudkan satu sistem nilai dan budaya sosial. Apa yang penting, ketiga-tiga kaum terbesar menjalin kerjasama erat yang tulen bagi mewujudkan rakyat Malaysia yang benar-benar bersatu padu. Perkara ini perlu dilihat secara positif dan objektif tanpa dikuasai emosi melainkan ada pihak-pihak yang tidak mahu melihat usaha memupuk integrasi kaum di negara ini tercapai.

Ekstremisme, dalam apa bentuk dan tujuan pun, amat berbahaya. Malangnya, sudah banyak rentetan peristiwa masa lalu yang menunjukkan ada pihak-pihak yang terlalu taksud dengan kepentingan sesuatu kaum hingga membelakangkan kepentingan nasional. Penentangan yang suatu ketika dijuarai oleh Dong Jiao Zong terhadap Sekolah Wawasan, umpamanya, diperburuk oleh akhbar-akhbar Cina yang memberi gambaran kononnya kerajaan mahu menutup SRJK Cina sedangkan ia tidak langsung bermaksud demikian. Isu yang sama turut dijaja pembangkang dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas sehingga ramai pengundi bukan Melayu turut terpengaruh. Begitu juga dalam pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit baru-baru ini, pengundi Cina ditakutkan oleh pembangkang dengan pelbagai ugutan daripada melaksanakan hak menerusi proses demokrasi. Budaya berpolitik seperti ini, jika dibenar berterusan, akan hanya membatasi toleransi antara kaum yang selama ini menjadi paksi keharmonian dan ketenteraman.

Apa yang diujahkan Dr Mahathir kelmarin sebenarnya satu peringatan untuk diambil iktibar oleh semua, apatah lagi jika masalah pengasingan kaum diakui sudah sampai ke tahap membimbangkan. Longgarnya jalinan kerjasama dan perpaduan di antara kaum-kaum utama di negara ini sekadar memudahkan puak-puak esktrim menjalankan jarum mereka dalam menimbulkan suasana ketidaktentuan. Selepas lebih 30 tahun bangsa Malaysia membina perpaduan di atas luka sejarah dan kehilangan nyawa rakyat tidak berdosa dalam tragedi 13 Mei 1969, sudah ada pihak-pihak yang mahu menghidupkan semula api perkauman. Lebih cepat mereka disedarkan terhadap kepentingan

keharmonian kaum dipastikan sentiasa terpelihara, lebih baiklah bagi masa depan negara ini dan rakyatnya. Proses ke arah integrasi nasional ialah melalui interaksi antara kaum, antara budaya, antara agama dan tradisi serta nilai hidup. Adalah sesuatu yang amat malang bagi Malaysia dan rakyatnya sekiranya kesilapan 33 tahun lalu dibenarkan berulang.